

SISTEM PERSATUAN IBU BAPA DAN GURU

WOON WIN LEON¹, DALBIR SINGH A/L VALBIR SINGH²

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Persatuan ibu bapa dan guru sering disebut sebagai nadi komuniti sekolah dan jambatan antara ibu bapa dan guru. Bagaimanapun, fungsi persatuan ibu bapa dan guru masih belum dimanfaatkan sepenuhnya oleh ibu bapa dan guru. Ramai ibu bapa bergantung perkembangan dan pendidikan anaknya semata-mata kepada guru dan sekolahnya. Oleh itu, satu sistem persatuan ibu bapa dan guru telah dicadangkan bagi menambahbaik hubungan antara ibu bapa dan guru. Sistem ini digunakan untuk mengeratkan hubungan antara ibu bapa, kanak-kanak dan komuniti sekolah serta penyertaan ibu bapa dalam pembangunan sekolah. Hubungan yang positif antara ibu bapa dan guru boleh membantu untuk meningkatkan pencapaian akademik kanak-kanak, kecekapan sosial dan kesejahteraan emosinya serta prasarana sekolah. Ibu bapa bekerjasama dengan guru sebagai rakan kongsi mampu menjana komunikasi dengan lebih berkesan, membina hubungan yang lebih kukuh antara satu sama lain dan membangunkan kemahiran untuk membaiki tingkah laku dan pembelajaran kanak-kanak. Selain itu, sistem ini adalah satu sistem berdasarkan web yang menggunakan PHP sebagai bahasa pengaturcaraan utama. Pembangunan bagi sistem persatuan ibu bapa dan guru menggunakan kaedah “Agile” yang terdiri daripada fasa perancangan, fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pelaksanaan dan fasa pengujian. Ciri-ciri yang terdapat dalam sistem ialah penganjuran program dan acara, aktiviti pendanaan khalayak, interaksi guru dengan ibu bapa. Ciri-ciri ini boleh meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah dan memahami perkembangan terkini sekolah serta membina kepercayaan antara sekolah dan ibu bapa. Akhir sekali, sistem ini dapat membantu meningkatkan kualiti dan memanfaatkan persatuan ibu bapa dan guru dalam memantau tumbesaran anak-anak dan memantapkan prestasi akademik dan kemahiran sosial pelajar serta menambahbaik infrastruktur sekolah dan keupayaannya dalam melahirkan pelajar yang berkualiti.

PENGENALAN

Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, pihak sekolah dan masyarakat Mempunyai peranan yang penting dalam membentuk generasi Malaysia yang bersatu padu melalui sistem persekolahan yang wujud sekarang. Keadaan ini boleh dicapai sekiranya hubungan guru dan ibubapa dieratkan agar dapat meningkatkan kemajuan pendidikan, kebaikan pelajar, pembangunan negara dan seterusnya pembinaan bangsa Malaysia (M. Al Muz-Zammil Bin Yasin, 2017).

Berdasarkan Akta Pendidikan 1996 di bawah Seksyen 130 (2) (i) memperuntukkan semua sekolah hendaklah menubuhkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Sehubungan itu setiap ibu bapa yang mempunyai anak bersekolah perlulah melibatkan diri dan bergerak aktif dalam PIBG dan aktiviti-aktiviti yang dijalankannya. Sebagaimana yang termaktub dalam Peraturan Peraturan Pendidikan (Persatuan Ibu Bapa – Guru) 1998, penubuhan PIBG adalah untuk membantu sekolah dalam kebaikan dan kemajuan pendidikan pelajar bagi meningkatkan imej sekolah.

Peranan ibubapa dalam PIBG adalah sangat penting kerana kerjasama ibubapa dengan guru membawa banyak faedah dan kebaikan. Antara faedah dan kebaikan adalah seperti guru memahami perkara kejiranian iaitu hubungan antara ibubapa, masyarakat dan sekolah (Moong Sow Kuan, 2017). Selain itu, juga dapat menolong guru dalam mengurangkan konflik dan ketegangan antara guru dengan ibubapa. Justeru itu, peranan ibubapa dalam PIBG dapat mewujudkan satu demokratik yang dapat mengawal pendidikan pada peringkat asas.

Walaubagaimanapun, fungsi Persatuan Ibu Bapa dan Guru masih belum dimanfaatkan sepenuhnya oleh ibu bapa serta guru. Fungsi Persatuan Ibu Bapa dan Guru menjadi kritikal apabila berlakunya penularan wabak COVID-19 di mana guru dan ibu bapa mengalami kesusahan untuk berinteraksi dan memantau pembelajaran pelajar secara dalam talian. Selain itu,

Persatuan Ibu Bapa dan Guru juga mengalami masalah dalam kewangan untuk menambahbaik infrastruktur sekolah. Di samping itu, kekurangan penglibatan ibubapa dalam PIBG juga merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh pihak sekolah.

Bagi mengatasi masalah ini, pembangunan sistem Persatuan Ibu Bapa dan Guru amat wajar bahkan amat relevan pada era berteknologi ini. Hal ini demikian kerana hampir semua kemudahan kini di hujung hari disebabkan perkembangan teknologi yang begitu pesat. Laman web ini menyediakan skop untuk meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam persatuan tersebut. Laman web ini memberi kemudahan untuk pihak sekolah menganjurkan aktiviti sekolah yang boleh disertai oleh ibu bapa dan mencari sukarelawan untuk aktiviti sekolah seperti karnival sekolah dan aktiviti gotong royong. Selain itu, pihak sekolah dan ibu bapa boleh menggunakan laman web ini untuk mengadakan aktiviti pendanaan khalayak agar ia dapat membantu masalah kewangan yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur sekolah.

PENYATAAN MASALAH

Pelaksanaan PIBG di setiap sekolah adalah untuk memberi sumbangan kepada pelajar dan merapatkan kerjasama antara ibubapa, guru dan pihak sekolah. Kerjasama daripada ibubapa dalam PIBG adalah penting iaitu dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar-pelajar. Tetapi keadaan ini mula berubah menjadi tidak mempunyai erti yang sebenar apabila ibubapa tidak memainkan peranan mereka dalam PIBG sekolah.

Masalah yang dihadapi oleh Persatuan Ibu Bapa dan Guru ialah penglibatan ibu bapa yang rendah dalam urusan Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Hal ini demikian kerana banyak ibu bapa menganggap pihak sekolah yang bertanggungjawab untuk pendidikan dan pembelajaran anaknya. Ibu bapa tidak peka tentang perkembangan sekolah dan masalah kewangan yang dihadapi oleh

pihak sekolah. Selain itu, Persatuan Ibu Bapa dan Guru sering mengalami masalah kewangan atau kekurangan peruntukan untuk menambahbaik infrastruktur dan kualiti pendidikan sekolah. Oleh itu, aktiviti pendanaan khalayak diadakan untuk menyelesaikan masalah kewangan dan mengumpul peruntukan. Walaubagaimanapun, aktiviti pendanaan khalayak secara fizikal dengan penglibatan ibu bapa yang rendah menyebabkan jumlah dana yang dikumpul kurang memuaskan. Di samping itu, terdapat sebahagian ibu bapa yang kekurangan kemahiran dalam menggunakan alat digital seperti telefon pintar serta komputer riba. Hal ini akan menyebabkan penglibatan ibu bapa rendah terhadap Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Kajian awal telah dijalankan secara temu bual rawak dan mengenalpasti bahawa masalah kekurangan penglibatan ibu bapa dalam PIBG.


Dengan wujudnya sistem Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang bakal dibangunkan ini, ibu bapa dan guru dapat mempunyai satu platform untuk mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Di samping itu, ia juga dapat meningkatkan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan semasa tentang sekolah serta ibu bapa dapat menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh pihak sekolah melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Akhir sekali, laman web ini juga berupaya untuk menganjurkan aktiviti pendanaan khalayak untuk membantu kewangan sekolah.

OBJEKTIF KAJIAN

Matlamat projek ini adalah untuk membangunkan satu sistem Persatuan Ibu Bapa dan Guru yang berupaya untuk memudahkan interaksi dan mengeratkan hubungan antara ibu bapa dengan guru iaitu membangunkan sistem Persatuan Ibu Bapa dan Guru kepada kalangan ibu bapa dan guru serta menguji sistem Persatuan Ibu Bapa dan Guru kepada kalangan ibu bapa dan guru.

METHOD KAJIAN

Metodologi yang diguna untuk membangunkan sistem Persatuan Ibu Bapa dan Guru ini ialah metodologi *Agile method*. Hal ini demikian kerana metodologi ini dapat mengurangkan risiko dalam implementasi perisian serta meningkatkan tahap kepuasan terhadap kepuasan pengguna. Model ini membolehkan organisasi menyelesaikan masalahnya secara holistik melalui persekitaran pembangunan sistem yang transparan dan adaptif (Sunita Rajiv, 2019).



Fasa ini merupakan fasa pertama iaitu fasa untuk memahami tujuan Sistem Persatuan Ibu Bapa dan Guru dibangunkan serta bagaimana aplikasi ini akan dilakukan. Fasa ini adalah untuk merancang keperluan untuk melaksanakan projek ini dan juga memenuhi keperluan objektif serta fasa bagi mengenal pasti masalah.

Fasa Analisis

Fasa ini merupakan fasa untuk menganalisis keperluan serta perisian yang akan digunakan untuk membangunkan sistem Persatuan Ibu Bapa dan Guru ini mengikut kesesuaian serta

membahagikan maklumat mengikut penyusunannya. Fasa ini juga akan melakukan kajian terhadap kehendak pengguna agar fungsi-fungsi sistem ini lebih mesra pengguna.

Fasa Reka Bentuk

Fasa ini merupakan fasa untuk mereka bentuk antaramuka laman web sistem Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Pada fasa ini antara muka sistem perlu dilakukan mengikut kehendak pengguna agar sistem ini dapat menarik pengguna untuk menggunakan.

Fasa Pelaksanaan

Fasa ini merupakan fasa pelaksanaan iaitu untuk membangunkan sistem Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta membuat fungsi-fungsi laman web mengikut objektif yang ditentukan. Pada fasa ini pangkalan data serta penulisan kod pengaturcaraan akan dilakukan.

Fasa Pengujian


Fasa ini merupakan fasa iaitu pengguna akhir yang berpengalaman akan menguji serta memberi maklum balas terhadap sistem Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Sebarang maklum balas bagi penambahbaikan dan pengubahsuaian akan direkod untuk dibawa semula ke fasa perancangan untuk menjamin kualiti projek.

HASIL KAJIAN


Sistem Persatuan Ibu Bapa dan Guru dibangunkan dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP dan HTML manakala penyimpanan data terletak di MySQL dan server *localhost*. Perisian yang digunakan ialah Kod Visual Studio.

Fungsi Log Masuk

Fungsi Log Masuk dalam sistem ini merupakan salah satu aspek yang penting. Terdapat tiga jenis pengguna dalam sistem ini iaitu ibubapa, guru dan pentadbir sistem. Ketigatiga jenis pengguna sistem mempunyai antara muka yang tersendiri. Pengguna perlu memilih jenis pengguna sebelum log masuk ke sistem. Hal ini demikian adalah kerana setiap jenis pengguna mempunyai peranan dan fungsi yang berbeza. Rajah 2 menunjukkan halaman utama log masuk bagi pengguna ibu bapa. Pengguna juga boleh memilih jenis pengguna untuk log masuk ke dalam sistem. Sekiranya pengguna tidak mempunyai akaun, pengguna boleh membuat pendaftaran akaun dengan memilih jenis pengguna seperti di Rajah 3.



Rajah 2 menunjukkan halaman utama log masuk ibu bapa



Rajah 3 menunjukkan pilihan akaun jenis pengguna

Fungsi Pendaftaran Akaun


Fungsi pendaftaran akaun pengguna juga merupakan salah satu fungsi yang penting dalam sistem ini. Pengguna bagi jenis ibu bapa dan guru perlu mendaftar akuan sebelum log masuk ke dalam sistem. Dengan fungsi ini, sistem ini dapat mengumpulkan data peribadi bagi pengguna ibubapa dan guru untuk perkembangan sistem kemudian dan juga fungsi lain dalam sistem ini. Rajah 4 menunjukkan halaman utama untuk pengguna melakukan pendaftaran akaun.

A screenshot of a "Teacher Registration" form. The title "Teacher Registration" is at the top. Below it is a placeholder text "Please register your account". There are five input fields: "User ID" (with "User ID" in the placeholder), "Name" (with "Name" in the placeholder), "Role" (with "Teacher" in the placeholder), "Password" (with "Password" in the placeholder), and "Confirm Password" (with "Confirm Password" in the placeholder). At the bottom is a single input field labeled "Email".

Rajah 4 menunjukkan halaman utama untuk pendaftaran akaun

Fungsi halaman utama sistem dan mengemaskini butiran profil

Pengguna sistem akan menerus ke halaman utama sistem selepas log masuk. Ketigatiga jenis pengguna mempunyai halaman utama yang berbeza. Halaman utama tersebut akan mengeluarkan profil pengguna serta maklumat tentang sistem ini. Selain itu, halaman utama ini juga akan memberarkan pengguna untuk akses ke fungsi lain dalam sistem tersebut. Rajah 5 menunjukkan halaman utama bagi pengguna ibu bapa manakala Rajah 6 menunjukkan halaman utama bagi fungsi mengemaskini butiran profil.



Rajah 5 menunjukkan halaman utama bagi pengguna ibu bapa.

Rajah 6 menunjukkan halaman utama bagi fungsi mengemaskini butiran profil

Fungsi Pendaftaran Aktiviti dan Menyertai Aktiviti

Fungsi pendaftaran aktiviti dan menyertai aktiviti merupakan salah satu fungsi yang penting untuk sistem Persatuan IbuBapa dan Guru. Pengguna sebagai guru serta pentadbir sistem dapat mendaftar aktiviti yang bakal dianjurkan serta melihat peserta bagi setiap aktiviti manakala pengguna ibubapa dapat melayari aktiviti yang didaftar serta membuat pemilihan untuk menyertainya. Rajah 7 menunjukkan senarai aktiviti yang didaftar oleh pihak guru dan pihak pentadbir sistem. Rajah 8 menunjukkan halaman utama untuk mendaftar aktiviti manakala Rajah 9 menunjukkan halaman utama untuk mengemaskini butiran aktiviti. Rajah 10 menunjukkan halaman utama untuk melihat senarai peserta aktiviti

The screenshot displays the PTA system interface. On the left is a dark sidebar with user information ('Andy Peterson as Parent') and navigation links: Home, Profile, Activity (which is highlighted), Result, Crowd Funding, Teachers, and Logout. The main content area has a header 'Activity' and a breadcrumb 'Home / Activity'. It shows two sections: 'My Activities' and 'List of Activities Available'. The 'My Activities' section contains three rows:

Activity Name	Description	Date	Participants	Action
Gotong Royong	This is a gotong royong activity. Feel free to join	2023-05-25	Andy Peterson	<button>Unjoin</button>
Canteen Day	Welcome to our Canteen.	2023-06-05	Andy Peterson	<button>Unjoin</button>
Choir Concert 2.0	We are having a concert for our choir team. Welcome	2023-05-30	Andy Peterson	<button>Unjoin</button>

The 'List of Activities Available' section contains three rows:

Activity Name	Description	Date	Budget	Requires	Required Participants	Current Participants	Action
Gotong Royong	This is a gotong royong activity. Feel free to join	2023-05-25	500	Fund	10	4	<button>Join</button>
Canteen Day	Welcome to our Canteen.	2023-06-05	1800	Fund	20	2	<button>Join</button>
Hari Karpival	we are looking for volunteers.	2018-05-01	2500	Materials	10	2	<button>Join</button>

Rajah 7 menunjukkan senarai aktiviti yang telah didaftar

PTA system

Leon as Admin

Search

Home

Assign Students

Profile

Activity

Result

Crowd Funding

Class

Logout

localhost/admincontroller

Activity

Activity Name

Description

Date dd/mm/yyyy

Budget(RM)

Required Participants

Requires

Select Requirement

Add Activity Reset

Rajah 8 menunjukkan halaman utama untuk mendaftar aktiviti.

Result

Crowd Funding

Class

Logout

Activity Name

Description

Date dd/mm/yyyy

Budget(RM)

Required Participants

Requires

Select Requirement

Add Activity Reset

Activity Name Description

Gotong Royong	This is a gotong royong activity. Feel free to join
Canteen Day	Welcome to our canteen day
Hari Karnival	we are looking forward to your participation
Choir Concert 2.0	We are having a choir concert
Pesta Tanglung	Please Join our Pesta Tanglung

Copyright © 2023 Parent Teacher Association

Edit Activity

Activity Name Gotong Royong

Description This is a gotong royong activity. Feel free to join

Date 25/05/2023

Budget(RM) 500


Required Participants 10

Requires Fund

Save changes Reset Close

Anything you want

Rajah 9 menunjukkan halaman utama untuk mengemaskini butiran aktiviti



Rajah 10 menunjukkan halaman utama untuk melihat senarai peserta aktiviti

Fungsi Kad Keputusan

Fungsi ini membenarkan pengguna guru serta pentadbir sistem untuk mengisi keputusan serta mengemaskini keputusan pelajar manakala pengguna ibu bapa dibenarkan untuk melihat keputusan pelajarnya. Halaman Result akan memaparkan senarai anak yang telah didaftar di bawah nama ibu bapa. Dengan menekan butang *View*, sebuah tingkap modal akan dibukakan dan disertakan adalah keputusan subjek anak dengan komen guru. Rajah 11 dan Rajah 12 menunjukkan halaman keputusan bagi ibu bapa serta paparan kad keputusan anak manakala Rajah 13 dan Rajah 14 menunjukkan halaman utama untuk pihak guru memasuki keputusan pelajar serta mengemaskini keputusan pelajar.

The screenshot shows the PTA system homepage. On the left is a dark sidebar with a user profile for "Andy Peterson as Parent" and navigation links: Home, Profile, Activity (selected), Result (highlighted in blue), Crowd Funding, Teachers, and Logout. The main content area has a header "Children" and a "Result" section. Under "Children", there is a table with columns: Student ID, Student Name, Class, Year Enrolled, and IC Number. Two rows are listed: Zoe Anderson (1B, 2023, IC 010587141425) and Billy Anderson (1B, 2023, IC 010587142548). Under "Result", there is another table with columns: Student ID, Student Name, Type, and View. Three rows are listed: Zoe Anderson (Mid Year, View), Zoe Anderson (Final Year, View), and Billy Anderson (Mid Year, View).

Rajah 11 menunjukkan halaman utama bagi fungsi keputusan untuk ibu bapa

The screenshot shows a modal window titled "Report Card" over the main PTA system interface. The modal displays "Student Information" for "Zoe Anderson" (Class: 1B, Result: Final Year). Below this is a table titled "Grades" with columns: Subject, Marks, and Grade. The data is as follows:

Subject	Marks	Grade
Malay	87	A
English	89	A
History	78	B
Mathematics	87	A
Science	78	B

At the bottom of the modal, there is a "Comments" section with a small input field.

Rajah 12 menunjukkan paparan kad keputusan pelajar

PTA system
Gloria Gaynor as Teacher

Search

-
-
-
-
-
-
-
-

localhost/teachercontroller

Result

Choose Class: **1A** **1B** **1C**

Select Student:

Please select a Student

Result Type:

Mid Year

Malay:

Science:

Maths:

History:

Rajah 13 menunjukkan halaman utama untuk pihak guru memasuki keputusan pelajar

History:

English:

Description:

Student ID	Student Name
1	Alex Smith
2	Zoe Anderson
11	Jessica Wayne
1	Alex Smith
2	Zoe Anderson

Edit Result

Student ID: 1

Name: Alex Smith

Class: IA

Result Type: Mid Year

Malay: 90

Science: 96

Maths: 96


Student ID	Student Name	Malay	Total Marks	Description	Action
1	Alex Smith	90	479	Very good.	<input type="button" value="Edit"/> <input type="button" value="Delete"/>
2	Zoe Anderson	56	298	good luck	<input type="button" value="Edit"/> <input type="button" value="Delete"/>
11	Jessica Wayne	99	499	good	<input type="button" value="Edit"/> <input type="button" value="Delete"/>
1	Alex Smith	50	393	Good	<input type="button" value="Edit"/> <input type="button" value="Delete"/>
2	Zoe Anderson	87	419	Good	<input type="button" value="Edit"/> <input type="button" value="Delete"/>

Rajah 14 menunjukkan halaman utama untuk pihak guru mengemaskini keputusan pelajar.

Fungsi Pendanaan Khalayak

Fungsi aktiviti pendanaan khalayak merupakan fungsi yang amat kritikal untuk sistem ini. Pengguna ibubapa dapat menyumbang dananya kepada pihak sekolah melalui sistem ini dan pengguna guru dan pentadbir sistem dapat melihat data dana yang dikumpul melalui sistem ini. Integrasi API Paypal telah dilakukan untuk membenarkan pengguna melakukan transaksi wang.

Rajah 15 dan Rajah 16 menunjukkan halaman utama bagi fungsi pendanaan khalayak dan integrasi API PayPal untuk pengguna melakukan transaksi wang manakala Rajah 17 dan Rajah 18 menunjukkan rekod dan senarai dana yang diterima serta analisis yang dijanakan berdasarkan dana yang diterima.




The screenshot shows a web-based crowdfunding application. On the left, there's a sidebar with 'Teachers' and 'Logout' buttons. The main area has a form for a new donation:

- Name:** Andy Peterson
- Activity available for funding:** Gotong Royong
- Enter the funding amount (RM):** Please enter the amount (RM)
- Donate** button

Below this, a section titled "Activities Funded" lists recent donations:

Activity	Amount(RM)	Date
Gotong Royong	200	2023-07-17
Canteen Day	20	2023-07-17
Choir Concert 2.0	10	2023-07-17
Hari Karnival	200	2023-07-18


Rajah 15 menunjukkan halaman utama bagi fungsi pendanaan khalayak.



Rajah 16 menunjukkan halaman utama bagi integrasi API PayPal

Name	Activity	Amount (RM)	Date
Andy Peterson	Gotong Royong	200	2023-07-17
Andy Peterson	Canteen Day	20	2023-07-17
Andy Peterson	Choir Concert 2.0	10	2023-07-17
Andy Peterson	Hari Karnival	200	2023-07-18
Andy Peterson	Pesta Tanglung	200	2023-07-18
Andy Peterson	Gotong Royong	200	2023-07-18
Andrew Parker	Canteen Day	50	2023-07-18
Andy Peterson	Hari Karnival	200	2023-07-18
Andy Peterson	Gotong Royong	200	2023-07-18


Rajah 17 menunjukkan rekod dan senarai dana yang diterima



Rajah 18 menunjukkan analisis yang dijanakan berdasarkan dana yang diterima.

Fungsi Menetapkan Pelajar kepada Ibu Bapa Mereka

Fungsi ini membenarkan pentadbir sistem untuk menetapkan pelajar kepada ibu bapa mereka. pengguna pentadbir perlu memastikan pelajar-pelajar tersebut berada di bawah ibu-bapa yang betul Dengan itu, ibu bapa dapat melihat profil serta keputusan pelajar mereka. Rajah 19 menunjukkan halaman utama untuk fungsi ini.



Rajah 1 menunjukkan halaman utama untuk fungsi ini.

KESIMPULAN

Pembangunan projek Sistem PIBG telah melalui semua fasa pembangunan. Dalam tempoh pembangunan, setiap fasa telah dijalankan merupakan fasa persediaan agar fasa seterusnya iaitu fasa pembangunan dapat dijalankan dengan lancar, cekap dan teliti. Setelah mengenal pastikan permasalah kajian iaitu kekurangan penglibatan pihak ibubapa dalam hal ehwal pelajar di sekolah serta sekolah dan PIBG yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Cadangan projek telah dikemukakan untuk membangunkan Sistem PIBG. Kajian kesusasteraan turut dijalankan untuk lebih memahami kegunaan PIBG dan impaknya.

Secara keseluruhannya, Sistem PIBG mempunyai potensi yang tinggi untuk dibangunkan untuk menjadi sistem yang lebih baik dan sempurna. Sistem ini membenarkan ibubapa untuk melibatkan diri dalam aktiviti sekolah, pembelajaran anak mereka, kewangan sekolah serta hal ehwal sekolah. Seiring dengan peningkatan qualiti pendidikan dan juga penggunaan teknologi setiap tahun, cara pembelajaran dan berinteraksi antara ibubapa dengan guru juga perlu

ditingkatkan untuk menghasilkan manfaat kepada pelajar yang merupakan generasi yang akan datang.

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Dalbir Singh A/L Valbir Singh. Beliau telah memberi sokongan dan bimbingan yang sangat membantu sepanjang pembangunan projek ini. Pada masa yang sama, beliau juga telah memberikan cadangan dan bantuan yang amat kritikal terhadap saya sepanjang pembangunan projek ini, tidak terhad kepada pembangunan projek malah dari semua segi. Pengetahuan dan pengalaman Dr. Dalbir yang sudi berkongsi kepada saya adalah amat berharga bagi saya dan telah memberikan motivasi kepada saya sepanjang pembangunan projek. Saya mampu belajar banyak teknik serta pengetahuan daripada beliau.

Saya turut ingin menunjukkan penghargaan saya kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat (FTSM), UKM atas bimbingan mereka sepanjang pengajian Ijazah Sarjana Muda saya. Tanpa pengajaran mereka, kemahiran yang diperlukan untuk pembangunan projek ini tidak akan saya kuasai. Selain itu, tidak akan lupa ahli keluarga dan rakan sekalian yang menghulurkan bantuan dan sokongan sepanjang pengajian saya, terutamanya semasa pembangunan projek ini.

Akhirnya, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua individu yang dengan sukarela mengambil bahagian dalam pengujian sistem dan memberikan maklum balas berharga tentang kebolehgunaan dan fungsi sistem. Kritikan dan cadangan mereka adalah amat penting dalam menghaluskan sistem ini dan memastikan keberkesanannya sistem ini pada masa yang akan datang.

RUJUKAN

Laura Lara & Mahia Saracosti. 2019. Effect of Parental Involvement on Children's Academic Achievement in Chile. 27 Jun. [16 November 2022].

Mirza M. Haekal. 2021. Apa Itu Agile? Pengertian, Prinsip, Metode, dan Kelebihan. <https://www.niagahoster.co.id/blog/agile-adalah/> [7/11/2022]

Monash University. 2022. Writing a literature review? <https://www.monash.edu/learnhq/write-like-a-pro/how-to-write.../literature-review> [14 November 2022].

M. Al Muz-Zammil Bin Yasin & Moong Sow Kuan 2017. Peranan Ibubapa dalam Persatuan Ibubapa dan Guru-guru (PIBG) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di Kulai, Johor. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia[13 November 2022]

Rahul Awati. 2022. World Wide Web (WWW). <https://www.techtarget.com/whatis/definition/World-Wide-Web> [20 November 2022].

Shanti Ramalingam & Mahendran Maniam & Gunasegaran Karuppanan. 2019. Penglibatan Ibu Bapa dalam Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Tamil di Selangor. <https://pdfs.semanticscholar.org/a67c/e063ec24ca6533859b0e87d10d550eefa4b6.pdf> [16 November 2022].

Sunita Rajiv. 2019. Parent-Teacher Partnership in the 21st century to create well-rounded individuals. <https://connectedtot.com/2019/05/15/parent-teacher-partnership-in-the-21st-century/> [5 November2022]

Wawan Setiawan. 2017. Era Digital dan Tantangannya. <https://core.ac.uk/download/pdf/87779963.pdf> [15 November 2022].

Western Sydney University. 2017. Literature review purpose.

https://www.westernsydney.edu.au/__data/assets/pdf_file/0006/1254786/Literature_review_purpose.pdf [14 November 2022].

Woon Win Leon (A179904)

Prof. Madya Dr. Dalbir Singh A/L Valbir Singh

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat,

Universiti Kebangsaan Malaysia